

is  
ing  
aph  
iter  
(b)  
se,  
ive  
ho  
his  
he  
he  
all  
nd  
].

SELANGOR  
ENAKMEN No. 8 tahun 1990

BETA PERKENANKAN,

t.t.

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,  
*Sultan Selangor*

(MOHOR KERAJAAN)

31hb. Disember, 1990

~~Disember 1990~~

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Anggota  
Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG  
oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota  
Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan)  
1990. Tajuk  
ringkas.

2. Subseksyen (1) seksyen 6 Anggota Pentadbiran dan  
Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 (selepas daripada ini  
disebut "Enakmen ibu") adalah dipinda— Pindaan  
kepada  
seksyen 6.  
En. 8/1980.

(a) dengan menggantikan noktah yang terdapat di  
hujung paragraf (b) dengan koma bertitik dan  
dengan memasukkan selepas sahaja koma  
bertitik itu perkataan "dan"; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja paragraf  
(b) paragraf baru yang berikut:

"(c) bagi Timbalan Menteri Besar, gaji  
bulanan sebanyak tiga ribu lima ratus ringgit."

Pindaan  
kepada  
Jadual  
Pertama.

3. Jadual Pertama Enakmen ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Menteri Besar” di mana-mana sahaja terdapat dalam paragraf 1, 3 dan 4 dengan perkataan “Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar”;

(b) dengan menggantikan noktah di hujung subparagraf (1) paragraf 2 dengan noktah bertindih dan dengan memasukkan selepas noktah bertindih itu proviso yang berikut:

“Dengan syarat bahawa jika seseorang yang menjadi Ahli atau Anggota untuk pertama kalinya pada atau selepas 1hb Julai 1990 berhenti menjadi Ahli atau Anggota apabila menyempurnakan tiga puluh enam bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira tetapi masih belum mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota, dia boleh diberi pencen hanya apabila dia kemudiannya mencapai umur lima puluh tahun.”;

(c) dengan memasukkan selepas subparagraf (2), subparagraf baru yang berikut:

“(2A) Dalam hal seseorang yang menjadi Ahli atau Anggota Dewan Negeri untuk pertama kalinya pada atau selepas 1hb Julai 1990 tetapi masih belum mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh dia berhenti menjadi seorang Ahli atau Anggota Dewan Negeri, gaji di mana pencen akan diberi di bawah subparagraf (2) hendaklah gaji akhir yang telah disemak sebelum pencen itu diberi kepadanya.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas sahaja paragraf 19 paragraf baru yang berikut:

“Meminda  
Jadual  
melalui  
perintah.

19A. Raja dalam Mesyuarat boleh melalui perintah meminda Jadual ini jika pada pendapatnya adalah perlu dan suai-manfaat

untuk berbuat demikian, dan apa-apa pindaan yang dibuat sedemikian hendaklah mempunyai kesan seolah-olah dikanunkan dalam Jadual ini.”.


4. Jadual Kedua Enakmen itu adalah dipinda—

Pindaan  
kepada  
Jadual.

- (a) dengan memasukkan di dalam RUANG II, selepas sahaja subruang yang bersubkepala “Menteri Besar” suatu subruang baru yang bersubkepala “Timbalan Menteri Besar”;
- (b) dengan memasukkan sebaik-baik sahaja di bawah subkepala subruang baru itu simbol ringgit “\$”;
- (c) dengan memasukkan angka “150,000” dalam subruang baru itu untuk butiran A, RUANG I;
- (d) dengan memasukkan angka “300,000” dalam subruang baru itu untuk butiran B (i), RUANG I;
- (e) dengan memasukkan angka “150,000” dalam subruang baru itu untuk butiran B (ii), RUANG I;
- (f) dengan memasukkan angka “300,000” dalam subruang baru itu untuk butiran C (i), RUANG I; dan
- (g) dengan memasukkan dalam subruang baru itu perkataan “mengikut hitungan” untuk butiran C (ii), RUANG I.

Diluluskan pada 14hb Disember 1990.

[DUN. Sel. (S) 30092/1 Jld. 2; PU. Sel. 1545/4; DUN. Sel. 30287.]

  
HAJI ADZMI BIN ARIFFIN,  
*Setiausaha,*  
*Dewan Undangan Negeri,*  
*Selangor*

SELANGOR  
ENACTMENT No. 8 of 1990

I ASSENT,

Sgd.

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,  
*Sultan of Selangor*

(STATE SEAL)

31st December, 1990

~~December 1990~~

An Enactment to amend the Members of the  
Administration and the Legislative Assembly  
(Remuneration) Enactment, 1980.

[ ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the  
State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Members of the  
Administration and the Legislative Assembly  
(Remuneration) (Amendment) Enactment 1990. Short  
title.

2. Subsection (1) of section 6 of the Members of the  
Administration and the Legislative Assembly  
(Remuneration) Enactment 1980 (hereinafter referred to  
as the "principal Enactment") is amended— Amendment  
of section 6.  
En. 8/1980.

- (a) by deleting the word "and" immediately after  
the semicolon at the end of paragraph (a);
- (b) by substituting a semicolon for the fullstop  
appearing at the end of paragraph (b) and  
inserting immediately after the semicolon the  
word "and"; and

- (c) by inserting immediately after paragraph (b) the following new paragraph:

“(c) in the case of the Deputy Menteri Besar, a monthly salary of three thousand five hundred ringgit.”.

Amendment  
of First  
Schedule.

3. The First Schedule to the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting the words “Menteri Besar” wherever appearing in paragraphs 1, 3 and 4 the words “Menteri Besar or Deputy Menteri Besar”;

- (b) by substituting for the fullstop at the end of subparagraph (1) of paragraph 2 a colon and inserting immediately thereafter the following proviso:

“Provided that where a person who becomes a Member for the first time on or after the 1st July 1990 ceases to be a Member upon completing thirty-six months of reckonable service but has not attained the age of fifty years on the date he ceases to be a Member, he may be granted a pension only upon his thereafter attaining the age of fifty years.”;

- (c) by inserting immediately after subparagraph (2) of paragraph 2 the following new subparagraph:

“(2A) In the case of a person who becomes a Member for the first time on or after the 1st July 1990 but has not attained the age of fifty years on the date he ceases to be a Member, the salary on which a pension will be granted under subparagraph (2) shall be the last revised salary before the pension is granted to him.”; and

MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE  
LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)  
(AMENDMENT)

3

(d) by inserting immediately after paragraph 19 the following new paragraph:

“Amend-  
ment of  
Schedule  
by order.

19A. The Ruler in Council may by order amend this Schedule where it appears to him necessary or expedient so to do, and any amendment so made shall have effect as if enacted in this Schedule.”.

4. The Second Schedule of the principal Enactment is amended—

Amendment  
of Second  
Schedule.

- (a) by inserting in COLUMN II, immediately after the subcolumn with the subheading “Menteri Besar”, a new subcolumn with the subheading “Deputy Menteri Besar”;
- (b) by inserting below the subheading of the new subcolumn the ringgit symbol “\$”;
- (c) by inserting the figure “150,000” in the new subcolumn in respect of item A of COLUMN I;
- (d) by inserting the figure “300,000” in the new subcolumn in respect of item B (i) of COLUMN I;
- (e) by inserting the figure “150,000” in the new subcolumn in respect of item B (ii) of COLUMN I;
- (f) by inserting the figure “300,000” in the new subcolumn in respect of item C (i) of COLUMN I; and
- (g) by inserting in the new subcolumn the words “as per calculation” in respect of item C (ii) of COLUMN I.

Passed this 14th day of December 1990.

[DUN. Sel. (S) 30092/1 Jld. 2; PU. Sel. 1545/4; DUN.  
Sel. 30287.]

  
HAJI ADZMI BIN ARIFFIN,  
Clerk of the Legislative Assembly,  
Selangor